



Apakah Buku Catatan Pertama yang digunakan untuk merekod butiran invois tambahan tersebut?

- A** Jurnal Am
- B** Buku Tunai
- C** Jurnal Belian
- D** Jurnal Jualan

7. Antara berikut, urus niaga yang manakah akan direkodkan dalam Jurnal Jualan?

- I Menjual barang niaga RM310 secara tunai kepada Abdullah
 - II Menjual sebuah mesin terpakai bernilai RM400 secara tunai
 - III Nota Debit yang bernilai RM60 dikeluarkan kepada Syarikat Ray kerana Invois terkurang caj
 - IV Menjual barang niaga RM500 secara kredit kepada Amir Trading
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

8. Dokumen manakah merupakan sumber untuk merekodkan Jurnal Penerimaan Tunai?

- A** Invois **C** Makluman Kredit
- B** Nota Kredit **D** Penyata Akaun

9. Jurnal Pulangan Belian berikut diambil daripada buku perniagaan seorang peniaga.

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Folio	No. Dokumen	Jumlah
20X0 Jun 20	Perniagaan Chin			RM 260
27	Perniagaan Zakaria			380
30	Z	Kt.		640

Apakah **Z**?

- A** Akaun Belian
- B** Akaun Belum Bayar
- C** Akaun Pulangan Belian
- D** Jumlah Pulangan Belian

10. Dokumen 3 dikeluarkan oleh Saffuanizam Enterprise.

ASAL	BAUCAR PEMBAYARAN	No. 001/20X0
	Saffuanizam Enterprise	
44, Persiaran Dahlia 81700 Pasir Gudang		
Kepada:	Syarikat Batu Bina Sdn. Bhd.	Tarikh: 14 Januari 20X0
		No. cek: AMBB70010
Bil	Keterangan	Jumlah (RM)
1	Bayaran barang niaga (BT101)	2 725
Disediakan oleh:	Disahkan oleh:	Duluksan oleh:
		Diterima oleh:

Dokumen 3

Apakah Buku Catatan Pertama yang digunakan oleh Syarikat Batu Bina Sdn. Bhd. untuk merekod butiran dalam dokumen tersebut?

- A** Jurnal Belian
- B** Jurnal Am
- C** Buku Tunai
- D** Buku Tunai Runcit

11. Urus niaga yang manakah direkodkan di sebelah kredit Buku Tunai?

- I Jualan tunai dibankkan
 - II Menjelaskan hutang kepada pembekal
 - III Ambilan wang tunai untuk kegunaan sendiri
 - IV Memasukkan tunai peribadi ke dalam perniagaan
- A** I dan II
 - C** II dan III
 - B** I dan IV
 - D** III dan IV

12. Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Pusat Persolekan Ras.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
20X0		RM	RM	20X0		RM	RM
Jun 1	Baki b/b		2 340	Jun 18	Alesya		720
11	Alesya		720				

Alesya adalah seorang pelanggan kredit kepada Pusat Persolekan Ras. Urus niaga manakah yang menerangkan catatan pada 18 Jun 20X0?

- A** Menerima cek daripada Alesya
- B** Cek daripada Alesya dibatalkan
- C** Jualan tunai kepada Alesya dibankkan
- D** Pembayaran kepada Alesya dengan cek



13. Maklumat di bawah diperoleh daripada Buku Tunai Kedai Runcit Murni sepanjang bulan Mei 20X0.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
20X0 Mei 1	Baki b/b				20X0 Mei 1	Baki b/b			
2	Modal			8 000	6	Perabot			12 880
16	Jualan		5 000	1 440	10	Alat tulis			6 640
23	Tunai			1 880	23	Bank		320	
28	Din			2 400	31	Maya	200	1 440	
30	Sewa	120							1 800

Berapakah baki tunai dan baki bank pada 31 Mei 20X0?

	Tunai	Bank
A	(RM3 760)	(RM7 600)
B	RM3 760	RM7 600
C	(RM3 760)	RM7 600
D	RM3 760	(RM7 600)

14. Sistem panjar biasanya diamalkan dalam penyediaan

- A Buku Tunai
- B Akaun Bank
- C Penyata Bank
- D Buku Tunai Runcit

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam Buku Tunai Runcit?

- I Kadar bayaran
- II Tambang LRT
- III Belian minuman
- IV Belian alat pantri

16. Pilih padanan yang betul.

	Urus Niaga	Analisis Pembayaran
A	Membeli setem	Alat tulis
B	Baiki pintu	Belanja pejabat
C	Membeli sampul surat	Pos
D	Upah mencuci kenderaan	Tambang

KERTAS 2

1. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Malik.

Pada 9 Mac 20X0, Kedai Runcit Malik membeli sebuah meja komputer bernilai RM620 secara kredit daripada Kedai Perabot Him Siang.

Anda dikehendaki menyediakan Buku Catatan Pertama yang sesuai untuk merekod urus niaga tersebut. [2 markah]

2. Danial Aris menggunakan Buku Tunai Tiga Ruangan untuk merekodkan urus niaga tunai dan bank bagi perniagaannya.

Baki pada 31 Mei 20X0 adalah seperti berikut:

	RM
Bank	760
Tunai	(Kt.) 1 530



Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Jun 20X0.

Tarikh	Butir	No. Cek	Jumlah
20X0 Jun 2	Belian	232210	RM 480
3	Jualan tunai (dibankkan)		1 650
	Don – cek diterima untuk penjelasan baki hutang RM3 450		3 000
5	Tunai dibankkan		1 000
8	Yin Jun	232211	630
12	Kedai Shin	232212	1 280
18	Alisya – cek diterima		1 450
23	Ram (diskaun RM230)	232213	1 770
27	Sheela	232214	810
30	Majid (diskaun RM160) Gaji	232215	2 640 1 250

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Tiga Ruangan untuk mencatat urus niaga bagi bulan berkenaan. [10 markah]

3. Loretta adalah pemilik Salon Rambut Loretta di Semenyih, Selangor. Dia menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai panjar berjumlah RM250.

Urus niaga berikut diambil daripada buku Salon Rambut Loretta:

Tarikh	Butir	RM
20X0 Mac 31	Baki bank	21 654
	Baki buku tunai runcit	171
Apr. 1	Rekupmen dengan cek (No. 522349)	?
7	Bayaran untuk bungkus pos	85
8	Bayaran kepada Perniagaan Wella dengan cek (No. 522350)	4 605
12	Cek diterima untuk jualan tunai	6 840
13	Belian dengan cek (No. 522351)	6 021
15	Terima cek daripada Bobo Enterprise	4 692
18	Bayaran untuk katrij pencetak	40
21	Bayaran untuk setem dan pos	39
25	Bayaran untuk upah mencuci tuala	60
30	Bayaran gaji dengan cek (No. 522352) bagi bulan April	12 075

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit bagi bulan April 20X0 dengan menunjukkan rekupmen bulan berikutnya. Tunjukkan lajur Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat.

[7 markah]



KERTAS 1

1. Apakah tujuan pembahagian lejar?
- Untuk mengawal kesilapan
 - Untuk memudahkan kerja rujukan
 - Untuk mengurangkan masa merekod
 - Untuk membolehkan pembahagian kerja merekod
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

2. Maklumat berikut adalah perbezaan ciri antara Lejar Jualan dengan Lejar Belian.

	Lejar Jualan	Lejar Belian
I	Merekod urus niaga jualan tunai	Merekod urus niaga belian tunai
II	Merekod urus niaga jualan kredit	Merekod urus niaga belian kredit
III	Mencatat semua Akaun Belum Terima	Mencatat semua Akaun Belum Bayar
IV	Mencatat Akaun Belum Terima barang niaga	Mencatat Akaun Belum Bayar barang niaga

Perbezaan manakah yang betul?

- A** I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

3. Akaun manakah merupakan akaun nominal?

- Akaun Sewa Diterima
 - Akaun Premis
 - Akaun Pinjaman
 - Akaun Angkutan Keluar
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

4. Cara merekod dalam lejar yang manakah betul?

- A** Kredit apabila hasil berkurang
B Debit apabila modal bertambah
C Debit apabila liabiliti bertambah
D Kredit apabila aset berkurang

5. Cik Linda telah membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan. Catatan manakah yang betul?

	Akaun didebit	Akaun dikredit
A	Mesin	Modal
B	Modal	Mesin
C	Alatan pejabat	Modal
D	Modal	Alatan pejabat

6. Syarikat Yogurt Fruity mengambil inventori yogurtnya dan diserahkan kepada Sinar Mall untuk promosi jualan. Apakah catatan bergu yang terlibat bagi urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Ambilan	Belian
B	Promosi	Belian
C	Promosi	Sinar Mall
D	Ambilan	Sinar Mall

7. Urus niaga berikut berlaku kepada Kedai Batik Andora pada 8 Ogos 2020.

Pemilik menggunakan wang pinjaman peribadi yang diperoleh daripada Bank Melati Berhad untuk membayar insurans kedainya.

Catatan bergu yang manakah betul?

	Debit	Kredit
A	Insurans	Tunai
B	Insurans	Modal
C	Ambilan	Insurans
D	Insurans	Pinjaman